



11 Jun 2020
11 June 2020
P.U. (A) 183

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA (PENUKARAN HAKMILIK SUBSIDIARI KEPADA HAKMILIK STRATA) (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2020

STRATA TITLES (CONVERSION OF SUBSIDIARY TITLE TO STRATA TITLE) (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA HAKMILIK STRATA 1985

KAEDAH-KAEDAH HAKMILIK STRATA
(PENUKARAN HAKMILIK SUBSIDIARI KEPADA HAKMILIK STRATA)
(WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 82 Akta Hakmilik Strata 1985 [*Akta 318*] dibaca bersama subseksyen 5(5), Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan pemakaian

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Hakmilik Strata (Penukaran Hakmilik Subsidiari kepada Hakmilik Strata) (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Penukaran daftar subsidiari kepada daftar strata melalui sistem hakmilik strata elektronik

2. (1) Pendaftar hendaklah menukarkan daftar subsidiari kepada daftar strata melalui sistem hakmilik strata elektronik mengikut cara yang berikut:

(a) dengan memindahkan maklumat dalam Borang 10A Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/1965*] kepada Borang 2e Akta;

(b) dengan memindahkan maklumat dalam Borang 10B Kanun Tanah Negara 1965 kepada Borang 3e Akta;

(c) dengan memindahkan maklumat dalam Borang 10C Kanun Tanah Negara 1965 kepada Borang 4e Akta;

- (d) dengan menggunakan seksyen 13 Akta bagi maksud menukarkan pelan hakmilik subsidiari yang diperakui di bawah Kanun Tanah Negara 1965 kepada pelan strata yang diperakui di bawah Akta; dan
- (e) dengan melampirkan pelan strata yang diperakui kepada Borang Se Akta.

(2) Pendaftar hendaklah, sebaik selepas penukaran itu, merekodkan butir-butir penukaran dalam daftar subsidiari itu dan butir-butir yang direkodkan itu hendaklah menjadi keterangan muktamad bagi fakta tentang penukaran itu.

3. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 3/2018, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat kepadanya, hendaklah terpakai bagi maksud Kaedah-Kaedah ini.

Dibuat 20 Mei 2020
[PTG/WP(S).100-2/19jld3; PN(PU2)433/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD. YASIN
Perdana Menteri

STRATA TITLES ACT 1985

STRATA TITLES (CONVERSION OF SUBSIDIARY TITLE TO STRATA TITLE)
(FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) RULES 2020

IN exercise of the powers conferred by section 82 of the Strata Titles Act 1985 [*Act 318*] read together with subsection 5(5), the Minister makes the following rules:

Citation and application

1. (1) These rules may be cited as the **Strata Titles (Conversion of Subsidiary Title to Strata Title) (Federal Territory of Kuala Lumpur) Rules 2020**.

(2) These Rules shall apply to the Federal Territory of Kuala Lumpur.

Conversion of subsidiary register to strata register under electronic strata titles system

2. (1) The Registrar shall convert a subsidiary register to a strata register through the electronic strata titles system in the following manner:

- (a) by transferring the information in Form 10A of the National Land Code 1965 [*Act 56/1965*] into Form 2e of the Act;
- (b) by transferring the information in Form 10B of the National Land Code 1965 into Form 3e of the Act;
- (c) by transferring of the information in Form 10C of the National Land Code 1965 into Form 4e of the Act;
- (d) by applying section 13 of the Act for the purposes of converting the certified plan of subsidiary title under the National Land Code 1965 to certified strata plan under this Act; and
- (e) by attaching the certified strata pelan to Form Se of the Act.

(2) The Registrar shall, immediately after the conversion, record the particulars of the conversion in the subsidiary register and such particulars recorded shall be conclusive evidence of the facts on the conversion.

3. The Director General of Lands and Mines Circular No. 3/2018, including any amendments made to it, shall apply for the purposes of these Rules.

Made 20 May 2020
[PTG/WP(S).100-2/19]ld3; PN(PU2)433/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN MD. YASIN
Prime Minister